

# Kes buang bayi catat peningkatan

Polis guna Seksyen 302 jika babit kematian

*M/S 12*  
*Berita Harian 12/08/2010*

Oleh Wan Faizal Ismayatim  
wfaizal@bharian.com.my

**K**UALA LUMPUR: Ketika gejala buang bayi hangat diperdebatkan di kalangan masyarakat, perangkaan kes pembuangan bayi mencatatkan peningkatan dengan penemuan mayat bayi perempuan dalam beg galas di tebing Sungai Tambun, Kota Damansara, kelmarin, adalah bayi ke 65 yang dibuang tahun ini.

Perangkaan Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, daripada 65 kes pembuangan bayi di seluruh negara sepanjang tahun ini, 26 bayi lelaki, 25 perempuan dan 14 lagi tidak diketahui jantintanya dengan sebahagian besar kes memabitkan kematian.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) Bukit Aman, Datuk Seri Mohd Bak-

ri Zinin berkata, sepanjang tahun lalu, 79 kes direkodkan di seluruh negara memabitkan 25 bayi lelaki, 29 perempuan dan 25 lagi tidak diketahui jantintanya.

Katanya, sepanjang lima tahun lalu, 472 kes pembuangan bayi dilaporkan di seluruh negara dengan 214 bayi berjaya diselamatkan dan 258 lagi ditemui mati.

"Kes buang bayi menunjukkan peningkatan kebelakangan ini. Ia memabitkan pasangan rakyat tempatan, malah dilakukan warga asing.

## FAKTA NOMBOR

**472**  
**kes**

Pembuangan bayi di seluruh negara sepanjang lima tahun lalu

"Pada tahun ini saja, 21 orang ditahan atas kesalahan membuang bayi yang mana enam sudah dituduh dan dua dijatuhkan hukuman," katanya di pejabatnya, semalam.

Sebelum ini, Kabinet memutuskan kes pembuangan bayi disiasat mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan membawa hukuman gantung sampai mati manakala kes cubaan membunuh mengikut Seksyen 307 kanun sama membawa hukuman penjara maksimum 20 tahun.

Mohd Bakri berkata, polis mempertimbangkan menyiasat kes buang bayi mengikut Seksyen 302 dan Seksyen 307.

"Peguam Negara memberikan kenyataan (buang bayi diklasifikasikan kes bunuh jika menyebabkan kematian). Ketua Polis Negara juga mengeluarkan kenyataan sama sebelum ini," katanya.